



### Latar Belakang Isu

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor pada 5hb Februari 2020 mengumumkan cadangan penyahwartaan 930.93 hektar dari 957.63 hektar Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) untuk tujuan pembangunan bercampur yang akan diusahakan oleh kerajaan Negeri Selangor.

Notis Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan peta kedudukan kawasan HSKLU berbanding dengan kawasan persekitarannya.



## **Kepentingan HSKLU**

- Kawasan berhutan cuma berkeluasan 7,468 hektar (atau 8.7%) di Daerah Kuala Langat. Dengan penyahwartaan, 931 hektar kawasan ini akan dikeluarkan meninggalkan kawasan seluas 6,537 hektar (atau 7.6%).
- HSKLU meliputi kawasan rayauan hutan dan punca sumber kehidupan/pendapatan kepada 2,000 anggota masyarakat Orang Asli yang telah menduduki kawasan tersebut sejak 1886.
- Kawasan habitat yang penting untuk spesies terancam (flora dan fauna) seperti Beruang Matahari, Tupai Terbang Terkecil Selangor, Ikan Laga Merah Langat, Meranti Paya, and lain-lain.
- Kawasan hutan paya gambut bertindak sebagai span semasa musim banjir. Ia juga merupakan singki karbon. Secara ekologi, hutan paya gambut membantu mengelak kejadian banjir dan kejadian kebakaran semasa musim kering.

## **Kesan Penyahwartaan HSKLU**

- Menjejaskan matlamat kerajaan negeri untuk meningkat kawasan hutan simpan kekal ke 30% atau lebih daripada keluasan negeri Selangor.
- Menjejaskan rantaian ekologi hutan paya gambut sehingga menyebabkan kehilangan habitat asal flora dan fauna, dan mengakibatkan kepupusan spesies.
- Menjejaskan kehidupan harian serta hak kebudayaan masyarakat Orang Asli yang bergantung hidup kepada HSKLU selama ini.
- Meningkatkan risiko banjir semasa musim tengkujuh di kawasan persekitaran.
- Menjejaskan hasil tanaman masyarakat setempat akibat kekurangan air semasa musim kering.
- Meningkatkan risiko kebakaran tanah gambut dan berlakunya jerebu di kawasan persekitaran hutan paya gambut.
- Melepaskan 5.5 juta tan karbon dioksida (CO<sup>2</sup>) yang akan menyebabkan peningkatan suhu global.
- Kehilangan suatu kawasan penting untuk tujuan penyelidikan, pendidikan, rekreasi, eko-pelancongan yang bertindak sebagai pusat kepentingan socio-ekonomi setempat.

## **Tindakan anda diperlukan untuk melindungi HSKLU:**

Anda boleh mengisi surat bantahan yang dilampirkan dan mengirimkannya kepada Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor melalui tangan, pos, faksimili atau emel sebelum 4hb Mac 2020.